

## PENERAPAN NILAI MELALUI PENULISAN KREATIF TRAVELOG PENDAKIAN GUNUNG

### *INSTILLING VALUES THROUGH CREATIVE WRITING: MOUNTAIN CLIMBING TRAVELOGUE*

Norzaliza Haji Ghazali<sup>1</sup>  
Mohd Fauzwadi Bin Mat Ali<sup>2</sup>  
Mohd Shamrie Sainin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (Email: zaliza@uum.edu.my)

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (Email: fauzwadi@uum.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Komputeran dan Informatik, Universiti Malaysia Sabah (Email: shamrie@ums.edu.my)

#### Article history

Received date : 19-9-2023  
Revised date : 25-9-2023  
Accepted date : 29-10-2023  
Published date : 14-11-2023

#### To cite this document:

Ghazali, N., Mat Ali, M. F., & Sainin, M. S. (2023). Penerapan nilai melalui penulisan kreatif travelog pendakian gunung. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (58), 62 – 70.

**Abstrak:** Bidang penulisan kreatif penting sebagai salah satu wadah dalam membentuk personaliti seseorang. Sehubungan itu, dengan terhasilnya penulisan buku-buku travelog yang merupakan sebuah karya kreatif dapat memberi kesan kepada khalayak pembaca. Penulisan kreatif seperti buku-buku travelog ini dapat membantu dalam menerapkan nilai budaya dan nilai-nilai murni. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, analisis kandungan untuk melihat nilai-nilai dalam penulisan kreatif. Dua buah buku digunakan iaitu *Travelog Pendakian Gunung Kinabalu* (2021) dan *Travelog Gunung Tambuyukon* (2022) yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Utara Malaysia (UUM Press). Hasil analisis menunjukkan bahawa buku-buku travelog ini mampu menerapkan nilai budaya dan nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda. Penulisan kreatif ini juga dapat meningkatkan tahap motivasi generasi muda dalam pembentukan personaliti. Elemen-elemen seperti memotivasikan diri, pembentukan diri, keyakinan diri dan kepuasan diri dipercayai menjadi faktor penyumbang ke arah pembentukan sahsiah generasi muda untuk menangani pelbagai cabaran dunia masa kini.

**Kata kunci:** Penulisan kreatif; travelog, nilai budaya dan nilai-nilai murni

**Abstract:** Creative writing serves as a crucial platform for developing students' soft skills. In this sense, the creation of travel books, which is a creative endeavor, has the potential to influence both the reader and the reader's audience. Travelogue books, for example, can aid in instilling cultural values and boosting soft skills among the younger generation, particularly in developing critical thinking abilities. This study employs a qualitative technique. Furthermore, *Travelogue Ascent of Mount Kinabalu* (2021) and *Travelogue Gunung Tambuyukon* (2022) by Universiti Utara Malaysia (UUM Press) publisher were employed in this study. The results of the analysis showed that these travelogue books are able to inculcate cultural values and improve soft skills among the younger generation. Moreover, creative writing gives students a space to express ideas and raise the level of motivation of the younger generation in the formation of personality. Students have a space to express their views through creative writing.

*which raises the youthful generation's motivation for personality development. Thus, elements such as self-motivation, self-formation, self-confidence and self-satisfaction are believed to be contributing factors towards the formation of the personality of the younger generation to deal with various challenges.*

**Keywords:** *Creative writing, literature, travelogue and cultural values*

---

## **Pengenalan**

Menulis merupakan salah satu ekspresi yang paling dekat dalam dunia pengarang, khususnya seniman. Medium penulisan merupakan ekspresi tertinggi dalam menyampaikan pandangan dan perjuangan serta falsafah hidup. Setiap baris kata yang ditulis merupakan kenyataan hidup yang cuba disampaikan, dikongsikan dan diyakini (Awang Azman Awang Pawi, 2009). Sehubungan itu juga, Muhammad Haji Salleh menyatakan bahawa “antara yang saya cari ialah seni dan sastera yang halus dan tinggi pencapaiannya.” Dalam hal ini, karya kembara sastera itu bukan sekadar memaparkan episod kronologi kunjungan ke sesuatu lokasi sebagai pelancong tetapi perlu juga seperti Muhammad Haji Salleh mencari “seni dan sastera yang halus dan tinggi pencapaiannya” yang terdapat di lokasi kembara untuk disulami ke dalam penulisan. “Tulislah berdasarkan daripada pengalaman sendiri” nasihat yang pernah dikemukakan oleh John Braine, dan jangan risau tentang itu” (A.S. Burack, 1973). Bertitik tolak daripada pernyataan ini, penulisan kembara atau travelog boleh dikatakan muncul berasaskan pengembaraan. Namun begitu, walaupun pada hakikatnya karya itu lahir berasaskan pengembaraan, namun pandangan penulis terhadap ruang lingkup perjalanannya juga perlu diceritakan. Dalam hal ini, karya kembara sastera yang lebih bermakna dan berkesan ialah karya yang menampilkan sesuatu keunikan dan keistimewaan yang dilihat, didengar dan dialami oleh penulis itu sendiri sepanjang perjalanan.

Penulisan travelog membawa pembaca menelusuri nilai dan budaya sesuatu tempat yang dikunjungi. Budaya mencakupi aspek yang luas dalam kehidupan masyarakat. Budaya memperlihatkan keperluan masyarakat untuk mengatur hidupnya dari aspek pemikiran dan tingkah lakunya. Menurut Ismail Hamid (1998), setiap amalan yang dilakukan oleh sesuatu kelompok masyarakat merupakan budaya hidupnya. Budaya merangkumi seluruh aspek kehidupan seperti bahasa atau dialek, gaya hidup dan lain-lain lagi.

Dalam hal ini, travelog juga boleh menggabungkan multidisiplin seperti aktiviti pendakian dan sastera. Ini menjadi suatu sinergi yang menyemarakkan lagi kesusasteraan Melayu ke persada yang lebih tinggi. Ia bukan sekadar rakaman perasaan suka duka, permainan imaginasi ataupun pemikiran cetek tanpa asas, malah karya yang baik adunan fiksi dan muatan fakta boleh mengangkat tamadun sesuatu bangsa sepanjang zaman (Nisah Haron, 2017). Travelog dilihat mampu memberi nilai tambah dalam aspek nilai budaya yang mampu memberi pemahaman lebih jelas mengenai masyarakat di Malaysia dan nilai-nilai murni yang boleh mendidik masyarakat pembaca dengan akhlak yang sempurna.

Travelog memerlukan keupayaan penulis menjalin idea berdasarkan pemilihan diksi yang bersesuaian, kepelbagaian ragam ayat, stilistik, unsur kesatuan dan pertautan dalam perenggan dan pemerenggan dalam bentuk yang santai dan mudah difahami. Namun, kemampuan penulis untuk menggarap sesuatu yang bernilai dalam buku travelog pendakian pastinya memerlukan susun atur dan kreativiti yang tinggi selain ilmu dan pengalaman yang

membolehkan hasil penulisan lebih hidup dan dapat dihayati oleh pembaca. Dalam hal ini, terdapat beberapa ciri travelog yang berpengaruh iaitu ia harus memberikan inspirasi dan motivasi. Selain itu, sesebuah travelog yang berpengaruh boleh dijadikan panduan kepada pembacanya. Travelog yang baik juga mampu menyentuh emosi pembaca melalui penggunaan bahasa yang mudah difahami dan santai. Selain itu, elemen nilai dan pengajaran daripada kembara sama ada diselit secara langsung atau tidak memberikan impak yang tidak kurang pentingnya dalam penulisan travelog. Seterusnya, sesebuah travelog yang baik mempunyai keunikan dan catatan luar biasa.

Mohd Sidin Ahmad Ishak (1999) menyatakan “penulis yang baik mampu berfikir tentang idea-idea yang ingin dituliskan, menyusun idea-idea itu dan menyampaikannya kepada pembaca dengan butiran-butiran yang minimum. Manakala Susan R. Horton (1993) juga berpandangan bahawa seseorang pengarang harus banyak membaca bagi membantunya bersedia menulis perkara yang dihayati dan seterusnya menemukannya dengan jawapan kepada soalan atau permasalahan yang ingin dirungkai.


### **Ulasan Karya**

Terdapat banyak kajian dalam bidang kesusasteraan yang berkaitan dengan penulisan kreatif khususnya travelog. Namun, penulisan kreatif kembara yang melibatkan aktiviti pendakian masih berkurangan di Malaysia. Antaranyanya ialah kajian yang dilakukan oleh Azzurin Mohd Yassin dan Mas Rynna Wati Ahmad (2018) yang membincangkan konsep jati diri Melayu dalam puisi catatan kembara “Nota Kecil Menyeberangi Usia”. Jati diri Melayu terbahagi kepada tiga aspek iaitu Islam sebagai agama luhur, adat dan budaya Melayu berlandaskan syariah dan bahasa Melayu sebagai teras jiwa bangsa untuk menyampaikan ilmu dan pemikiran. Hasil kajian mendapati bahawa Fahd Razy merupakan penulis yang mengadaptasikan pengalamannya semasa di perantauan ke dalam bentuk puisi jelas memperlihatkan jati diri Melayu dalam karyanya. Manakala dalam kajian Nurhidayah Amni Mohd Zaini dan Firuz Akhtar Lubis (2020) bertajuk tawakal semasa musibah dalam travelog Biniku Ninja karya Azlan Andi membicarakan konsep tawakal semasa musibah berdasarkan Imam Ghazali. Hasil kajian menunjukkan bahawa tawakal wujud dalam pengembaraan dan memberikan impak positif kepada pembaca. Seterusnya, kajian Nurul Zafirah Zakaria dan Fizruz Aktar Lubis (2021) membincangkan konsep tazkiyah al-Nafs menerusi karya kembara Muhd Kamil Ibrahim berjudul “Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman”. Muhd Kamil Ibrahim merupakan seorang Profesor Perakaunan. Hasil penulisan beliau, telah menjadi fenomena dan pernah menduduki carta jualan buku paling laris. Travelog ini berkisarkan penghijrahan beliau dari seorang yang jahil dalam ilmu agama berubah kepada seorang Muslim yang lebih baik. Ia juga memperlihatkan kesungguhan beliau menyempurnakan penghijrahannya dengan menunaikan ibadat haji. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis proses tazkiyah al-Nafs yang dihadapi oleh penulis menurut persepektif al-Muhasibi yang memfokuskan kepada proses dalam langkah pencegahan (al-Wiqayah). Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan temu bual. Hasil dapatan kajian mendapati kerendahan ego dan ketinggian estim-diri diperlukan dalam menjayakan proses tazkiyah al-Nafs khususnya bagi golongan berstatus tinggi.

### **Analisis dan Perbincangan**

Artikel ini membincangkan dua buah buku travelog yang telah diterbitkan oleh Penerbit Universiti Utara Malaysia (UUM PRESS) iaitu Travelog Pendakian Gunung Kinabalu (2021) dan Travelog Gunung Tambuyukon (2022). Buku-buku ini mengisahkan pengalaman penulis yang telah melakukan aktiviti pendakian ke gunung-gunung tersebut. Segala cabaran yang dihadapi dalam mengharungi pendakian ke puncak pastinya mampu menjadi nasihat dan

panduan kepada masyarakat pembaca. Pada masa kini, aktiviti rekreasi pendakian gunung menjadi gaya hidup terkini dan popular dalam kalangan masyarakat. Ini terbukti dengan wujudnya kelab-kelab pendaki yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan di Malaysia.



**Rajah 1: Buku Travelog Gunung Kinabalu dan Gunung Tambuyukon**

Terdapat pelbagai kepentingan seseorang melakukan aktiviti mendaki gunung antaranya ia mampu mencabar stamina seseorang. Selain itu, ia dapat membakar kalori dengan banyak kerana membabitkan latihan kardio. Aktiviti mendaki tergolong dalam satu daripada lima latihan kardio terbaik yang memberikan banyak kelebihan kepada tubuh dan menguatkan otot kaki dan gluteus, Selain itu, aktiviti mendaki juga dapat menurunkan tekanan darah dan mengurangkan risiko diabetes, penyakit jantung dan obesiti. Namun, meskipun dilihat aktiviti mendaki ini lebih kepada aktiviti yang menyihatkan badan, tetapi pada masa yang sama ia turut mempunyai sebab-sebab menarik yang lain, di antaranya adalah:

1. Mendaki mampu meningkatkan mood seseorang, mengurangkan kebimbangan dan meningkatkan daya ingatan (Kajian Universiti Stanford, 2014)
2. Mendaki juga boleh menangkis kemurungan dan mengurangkan stress. Dengan melakukan aktiviti mendaki berjalan kaki selama 90 minit dalam persekitaran semulajadi, ia boleh menyumbang kepada kesihatan otak, di samping membantu menangani masalah kemurungan dan mengurangkan rasa stress.
3. Mendaki turut boleh membantu menyelesaikan masalah. Dengan meluangkan masa di luar, dipercayai dapat membantu meningkatkan perhatian dan kemahiran seseorang dalam menyelesaikan masalah kreatif sebanyak 50%.
4. Selepas sejam berinteraksi dengan alam semula jadi pula, prestasi daya ingatan dan perhatian juga dikatakan meningkat sehingga 20%. (Kajian University of Michigan, 2008).
5. Mendaki juga boleh merapatkan silaturrahim sesama individu, di mana selain meningkatkan rangkaian sosial buat mereka yang mempunyai hobi yang sama, ia memberikan kita peluang untuk berinteraksi dengan dunia luar.
6. Mendaki juga untuk menikmati keindahan puncak dan berkongsi di laman sosial. Aktiviti pendakian menjadi semakin popular dalam masyarakat pada hari ini terutama generasi muda. Secara tidak langsung, ia mendorong kepada kewujudan pelbagai kumpulan pendaki yang aktif.

## Nilai Budaya

Apabila melakukan perjalanan ke sesuatu tempat, kelainan gaya hidup masyarakat merupakan sesuatu yang menarik untuk dilihat dan dipelajari. Penulisan travelog ini memaparkan budaya masyarakat di Sabah yang unik. Antaranya ialah salah satu barangan seperti beg yang dibawa oleh porter. Beg ini merupakan hasil kerja tangan masyarakat Sabah yang perlu dipelihara:

Menurut Shamrie, beg ini dikenali sebagai *barait* yang merupakan beg galas tradisional Sabah diperbuat daripada buluh dan rotan. Buluh dipotong nipis dan halus dan seterusnya dianyam membentuk pelbagai bentuk dan rekaan. Saiz *barait* bergantung kepada saiz panjang rotan dan jumlah rotan yang dihiris. Proses pembuatan *barait* mengambil masa lebih kurang tiga hari hingga seminggu. Proses pembuatannya sukar. Justeru, hanya individu yang mahir mampu membuatnya. *Barait* ini sangat kukuh dan boleh digunakan untuk jangka masa yang lama. Ia digunakan bagi pelbagai tujuan terutamanya untuk membawa barang-barang ke kebun. (Travelog Pendakian Gunung Tambuyukon, 2022, hlm. 36)



Rajah 2: *Barait*

Selain itu, dalam perjalanan ke Sabah sebuah negeri yang mempunyai khazanah alam semula jadi yang cukup cantik dan indah, kita dapat melihat masyarakatnya yang unik dengan kepelbagaian etnik. Secara tidak langsung, penulis juga mendapat pemahaman mengenai sejarah dan gaya hidup masyarakat di situ. Kebanyakan malim gunung dan porter merupakan anak tempatan. Mereka amat berbangga dapat berkongsi pengetahuan dengan masyarakat luar mengenai asal usul mereka. Dalam buku travelog ini, penulis mencatatkan sejarah Gunung Kinabalu yang diceritakan oleh malim gunung, Jemin. Beliau menyatakan bahawa setiap malim gunung dan porter mesti mengetahui asal usul Gunung Kinabalu yang merupakan tempat suci bagi mereka. Gunung Kinabalu ini juga perlu sentiasa dijaga kesuciannya. Secara tidak langsung, pendaki mengetahui asal usul Gunung Kinabalu dan berusaha mematuhi pantang larang semasa mendaki gunung tersebut. Hal ini ada dinyatakan oleh penulis seperti berikut:

Selain itu, masyarakat Dusun menamakan gunung itu “*Aki Nabahu*” yang bererti “Si Aki meninggal dunia”. Masyarakat Dusun dan Murut menganggap Gunung Kinabalu sebagai gunung suci, menurut kepercayaan mereka, gunung itu ialah syurga dan tempat kembalinya roh-roh mereka yang baik apabila meninggal dunia. Hal ini sama seperti cerita si Aki iaitu seorang ketua kampung yang baik dan dihormati. Apabila dia meninggal dunia, rohnya dianggap masuk ke syurga di

puncak gunung itu, lalu gunung itu dinamakan Akinabalu dan akhirnya disebut Kinabalu. (Travelog Pendakian Gunung Kinabalu, 2021, hlm. 4)

Gunung Tambuyukon pula mendapat nama sempena kisah seorang individu berketurunan suku kaum Dusun yang bernama Tam. Menurut cerita:

Tam telah mengetahui pendakian ke puncak gunung. Sepanjang pendakian, Tam sering memberitahu kumpulannya bahawa mereka sudah hampir sampai ke puncak. Tetapi langkah demi langkah, mereka masih belum tiba di puncak. Setiap kali ahli kumpulannya bertanya, Tam selalunya akan menjawab, sudah hampir. Akhirnya mereka semua memanggil gunung ini Tam *buyuk* (tipu) dalam Bahasa Dusun kerana sering tertipu dengan kata-kata Tam. Kini, Gunung Tam *Buyuk* mengalami perubahan prosa kata dan disebut Gunung Tambuyukon.”(Travelog Pendakian Gunung Tambuyukon, 2022, hlm. 5)

### Nilai-nilai murni

Penghasilan travelog juga merupakan satu matlamat untuk mencambahkan minat membaca dan menyemarakkan dunia pembukuan kerana ilmu yang terangkum dalam sebuah buku amat memberi nilai dalam menyuburkan nilai kemanusiaan dan mencerminkan nilai jati diri masyarakat di Malaysia. Penulis perlu mempunyai ilmu yang berkaitan dengan bidang untuk menulis sesuatu yang mampu membina pemikiran pembaca. Sehubungan itu, penulis berkongsi mengenai ilmu pendakian. Apabila melakukan pendakian kita perlu sentiasa bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan yang berlaku. Persediaan yang rapi penting dalam memastikan kelancaran pendakian kerana keadaan hutan yang tebal dan akses logistik yang terhad menyukarkan bantuan keselamatan apabila berlakunya sebarang tragedi. Perjalanan berkumpulan akan lebih menjamin keselamatan. Selain itu, pemakanan yang baik juga sepatutnya menjadi amalan pendaki. Terdapat pendaki yang tidak mengambil sarapan atau makan tengah hari dan dikhuatiri akan menyebabkan pendaki kehabisan tenaga dan membahayakan kesihatan. Justeru, adalah penting kepada semua pendaki mengetahui serba sedikit mengenai ilmu ini sebelum melakukan aktiviti pendakian. Berikut merupakan perkongsian penulis:

Sekiranya pendaki tidak mengambil karbohidrat yang mencukupi, dia boleh mengalami satu keadaan keletihan yang teramat sangat yang dipanggil “*bonk*” atau “*hitting the wall*”. Keadaan ini berlaku disebabkan kehabisan glycogen dalam tisu otot dan hati. Glycogen ialah sejenis polimer glukosa dan merupakan karbohidrat simpanan yang bertanggungjawab menghasilkan tenaga. (Travelog Pendakian Gunung Kinabalu, 2021, hlm.48)

Tip #6: Buat *mind tagging* pada trek. Kenal pasti tanda-tanda sepanjang trek yang anda mudah ingat seperti air terjun, batang paip, pokok tumbang, pondok berehat, sungai, dan tangga. Anda boleh ambil gambar atau sekadar simpan dalam memori. Semasa perjalanan balik, lebih mudah untuk menganggar masa tiba (*Estimated Time Arrival: ETA*) tanpa perlu bertanya kepada malim gunung atau rakan. (Travelog Pendakian Gunung Tambuyukon, 2022, hlm.105)

Selain itu, dalam penulisan sastera kembara ini juga penulis memberikan nilai tambah bahawa aktiviti pendakian bukan semata-mata sebagai riadah atau hiburan sahaja. Sebagai seorang yang beragama Islam, penulis cuba menyelitkan sedikit nilai dakwah dalam penulisan kembara ini.

Dakwah merupakan seruan yang disampaikan kepada seseorang untuk mengajak ke arah kebaikan. Pada masa kini, dakwah memerlukan kreativiti dan pelbagai ilmu sampingan yang digabungkan bagi menghasilkan daya tarikan. Justeru, kaedah yang menarik pandangan manusia perlu difikirkan dalam usaha membuka pemikiran dan seterusnya menyampaikan maklumat berguna berupa nasihat dan teguran. Penulis berdakwah secara santai untuk mengajak khlayak pembaca agar dapat terjelma sifat keinsafan dan kesedaran yang mewujudkan rasa menghargai dan bersyukur dengan setiap pemberian Allah SWT agar lebih prihatin dan bertanggungjawab dalam menjaga amanah yang telah diberikan. Ini dapat dilihat dalam petikan dibawah:

Lalu suami saya pun menyambung “Kalau kita ada kudrat untuk mendaki Gunung Kinabalu yang setinggi ini, pastinya kita ada kudrat untuk mendaki tangga masjid yang tidak seberapa itu”. Mudah-mudahan, bait-bait kata ini memberi peringatan kepada saya, sahabat-sahabat dan kita semua. Dunia hanya tempat persinggahan, akhirat tempat abadi. Walau apapun yang kita kejar di dunia semuanya adalah kerana Allah SWT. (Travelog Pendakian Gunung Kinabalu, 2021, hlm. 38)

Kebudayaan terjalin erat dengan tatasusila dan sistem nilai sesuatu bangsa. Nilai dan sistem nilai mempengaruhi perkembangan dan kemajuan manusia. Nilai-nilai murni dibentuk melalui kepercayaan agama. Islam merupakan pengaruh tunggal yang paling utama terhadap aspek kebudayaan Melayu. Islam itu adalah ad-din, yang menjadi pegangan dalam menghayati gaya hidup seharian buat seluruh umatnya. Ajaran Islam yang terkandung akidah, akhlak dan syariat saling berkaitan dengan aspek budaya dan adat yang perlu berlandaskan Islam. Segala tingkah laku harus berlandaskan nilai-nilai keislaman, tidak terkecuali apabila melakukan aktiviti pendakian. Walau di puncak gunung mahupun dalam lautan, solat menjadi keutamaan dan jati diri yang menjadi kewajipan setiap insan.

Dalam perjalanan mendaki gunung banyak cabaran yang perlu dilalui, antaranya keadaan cuaca yang tidak menentu, berlakunya bencana alam, keadaan hutan yang tebal yang dihuni oleh haiwan-haiwan liar. Keadaan tanah yang lembab apabila hujan, menuruni curam, mendaki kawasan berbatu dan pendakian bertali. Namun, pengalaman dan cabaran yang dilalui mendewasakan diri dan menjadikan penulis lebih berani dan sentiasa bersiap sedia dengan segala halangan dan cabaran dalam kehidupan. Segala cabaran ini, pastinya akan memberi pengalaman berharga kepada pendaki. Melalui pengalaman pendakian gunung ini, penulis ingin berkongsi nilai motivasi yang dapat membina kekuatan dalaman seseorang individu. Antaranya ialah:

Kami saling mengucapkan tahniah. Terbukti tiada yang mustahil dapat dicapai apabila kita berusaha dan bersabar. Sebagai pendaki, kita perlu sentiasa berfikiran positif dan mencari jalan untuk mencapai sasaran serta menghormati pendaki yang lain dalam satu kumpulan. Kami memberi ruang kepada pendaki baru tiba untuk bergambar di puncak. Bertimbang rasa amat perlu dalam kalangan pendaki. Jelas kelihatan senyuman kegembiraan di wajah mereka. Inilah dunia mendaki. Tiada perasaan cemburu mahupun irihati. (Travelog Pendakian Kinabalu, 2021, hlm. 67).

Dalam kehidupan sebagai manusia, kejayaan dan kegagalan silih berganti. Apabila menggapai kejayaan, lazimnya perasaan gembira akan menyelubungi. Namun apabila ditimpa kegagalan, seseorang akan mudah berasa kecewa dan berputus-asa. Justeru, motivasi amat diperlukan untuk meneruskan kehidupan. Motivasi adalah penggerak kemahuan dan keinginan atau sebagai

rangsangan untuk mencapai matlamat. Sifat motivasi itu dilihat dalam dua keadaan iaitu faktor situasi dan faktor peribadi. Dalam pendakian, faktor situasi seperti semangat berpasukan dan tidak mementingkan diri sendiri memainkan peranan penting dalam memastikan semua ahli kumpulan sampai ke puncak gunung dengan selamatnya. Sifat ketenangan memainkan peranan dalam memastikan matlamat tercapai. Ini dapat dilihat dalam petikan dibawah:

Aku sematkan dalam hati agar sentiasa bertenang dan tidak panik apabila mendaki di awal pagi. Sudah lumrah, dalam situasi begini pastinya kita akan mudah menjadi panik, cemas dan takut. Ketakutan sering dirasai semasa mendaki pada awal pagi yang gelap gelita hanya berpandukan suluhan lampu. Antaranya, takut kepada perkara yang mungkin berlaku misalnya hujan ribut, takut kepada ancaman hidupan liar dan berbisa, takut kehabisan makanan, takut berada dalam hutan tebal atau takut kepada benda-benda halus.

Oleh itu, sebagai pendaki kita perlu mempersiapkan diri untuk mengatasi perasaan takut ini dengan bersedia secukupnya. Jangan terlalu memikirkan perkara-perkara yang belum berlaku dan kekal positif. Ketenangan menghadapi cabaran yang mendatang menjadi kunci utama untuk menyelesaikan masalah yang berlaku. (Travelog Pendakian Gunung Tambuyukon, 2022, hlm. 72)

Selain itu, apabila melihat kesusahan yang dialami oleh orang lain seperti porter di Gunung Kinabalu membuatkan kita sentiasa bersyukur dengan kurniaan Allah SWT kerana tidak perlu bersusah payah mendaki gunung dengan membawa muatan barangan yang berat demi mencari rezeki untuk keluarga. Kita perlu menghargai segala yang telah diberikan oleh Allah SWT dan berkongsi rezeki bersama orang yang memerlukan. Berikut merupakan nilai motivasi yang terdapat dalam buku travelog ini yang boleh menjadi nasihat dan panduan yang berguna kepada generasi muda:

Di depan kami, ada seorang wanita (porter) yang sedang berhenti rehat. Umurnya dalam lingkungan 50an dan dibelakangnya terdapat sebuah bungkusan yang hampir saiz badannya...Itulah pekerjaan utama mereka. Walau berat tanggungan yang dipikul, mereka tetap bersyukur kerana gunung ini telah memberi punca rezeki kepada mereka. (Travelog Pendakian Gunung Kinabalu, 2021, hlm. 46).

Sesebuah karya kreatif yang baik pastinya memberikan kesan yang unggul kepada jiwa pembaca. Oleh sebab itu, penulis perlu bijak dan kreatif dalam mempersembahkan landasan karyanya. Kehadiran buku-buku travelog pendakian ini, ibarat mengayam kelarai yang penuh dengan warni-warni buat tatapan khalayak pembaca dengan jalinan perjalanan luaran dan dalaman yang boleh dijadikan nasihat dan panduan dalam kehidupan. Ilustrasi yang menyegarkan tatapan mata menjadikan karya kreatif ini suatu perkongsian yang bermakna terutama kepada mereka yang mencintai alam semula jadi dan pencinta dunia pendakian.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, untuk menghasilkan travelog, seseorang penulis memerlukan penyelidikan, rujukan serta pengamatan yang tinggi. Sesebuah karya yang baik itu wajar dianyam dengan seni bercerita antara fakta dan kreativiti, unsur-unsur dramatik, emosi serta pemikiran. Nilai budaya dan nilai-nilai murni dalam buku-buku travelog pendakian gunung ini mampu memberi nilai tambah kepada masyarakat pembaca dalam membina personaliti unggul agar menjadi manusia yang berilmu dan berbakti.



## Penghargaan

Penyelidikan ini mendapat dana Geran Universiti (Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Kod S/O 21405)

## Rujukan

- Arena Wati. (1996). *Jejak kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2015). *Tertib mengarang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Azman Awang Pawi. (2009). Menulis dengan budaya pascakolonial: Analisis catatan kembara. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* Jilid 11, No. 1, 2009, hlm. 133-148.
- Azzurin Mohd Yassin dan Mas Rynna Wati Ahmad. (2018). Konsep jati diri Melayu dalam puisi catatan kembara “Nota Kecil Menyeberang Usia”. *Jurnal Melayu*. Bil. 17(2).
- Faisal Tehrani. (2008). *Karya nan indah untuk semua*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings.
- Latif Mohidin. (2010). *Catatan*. Selangor: Maya Press Sdn. Bhd.
- Nisah Haron. (2017). *Menulis, mengatur diri dan berfikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norzaliza Haji Ghazali, Mohd Raime Ramlan, Md Hairi Md Hussain, Mohd Fauzwadi Mat Ali, Rabi’ah Abdul Ghani, Ishak Hassan dan Hadibah Zakaria. (2022). *Travelog Pendakian Gunung Kinabalu*. Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Norzaliza Haji Ghazali, Mohd Shamrie Sainin, Mohd Raime Ramlan, Md Hairi Md Hussain, Mohd Fauzwadi Mat Ali, (2022). *Gunung Tambuyukon: Kembara umpama menganyam kelarai*. Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Nurhidayah Amni Mohd Zaini dan Firuz-Akhtar Lubis. (2020). Tawakal semasa musibah dalam Travelog Biniku Ninja Karya Azlan Andi. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 23(2):153-169.
- Nurul Zafirah Zakaria dan Fizruz Aktar Lubis (2021). Tazkiyah al-nafs seorang pengembara ahli akademik dalam Travelog Haji: Mengubah sempadan iman karya Muhd Kamil Ibrahim. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE) 1(1)*, 60-75.
- Pahrol Mohamad Juoi, Hasrizal Abdul Jamil dan Zamri Mohamad. (2022). *Menulis dari hati biar sampai ke hati*. Selangor: Publishing House.
- Ruzain Syukur Mansor. (2020). *Saya mahu jadi penulis (2)*. Shah Alam: Ultimate Print.
- Sulaiman Bin Salleh, Rahmahtunnisah Binti Hj Sailin. (2014). Kajian hubungan imaginasi, kreativiti dan idea dalam komunikasi penulisan kreatif. *E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014)*, 26-27 May 2014.
- Susan R. Horton. (1993). *Penulisan: Cetusan Fikiran (terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat. (2013). *Penulis dan penulisan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.